



KENYATAAN MEDIA

SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH ADALAH SECARA SUKARELA, SUAMI TIDAK WAJIB BAYAR CARUMAN ISTERI

KUALA LUMPUR – Merujuk kepada beberapa laporan berita mengenai draf Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ingin menegaskan bahawa cadangan pelaksanaan **Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR)** ini adalah **secara sukarela kepada semua suri rumah di Malaysia** dan **para suami tidak wajib mencarum untuk isteri mereka.**

Menerusi draf RUU tersebut yang telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama oleh **Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan** di Dewan Rakyat semalam, ia menyatakan bahawa suami hanya wajib membayar caruman untuk isterinya **jika beliau memilih untuk berbuat demikian dan perlu memaklumkan kepada PERKESO.**

Dalam situasi ini, ia boleh menjadi suatu kesalahan kepada suami jika gagal membayar caruman berkenaan. Sabit kesalahan, suami boleh didenda tidak melebihi **RM10,000** atau **dipenjara tidak melebihi 2 tahun** atau **kedua-duanya sekali.**

Walau bagaimanapun, jika pasangan tersebut telah bercerai atau suami terbabit tidak mampu membayar caruman isterinya akibat hilang punca pendapatan atau seumpamanya, maka komitmen beliau untuk membayar caruman adalah terbatal. Dalam hal ini, isteri beliau atau suri rumah boleh membayar caruman SKSSR secara sukarela atau bayaran caruman tersebut juga boleh dibuat oleh mana-mana pihak ketiga.

Bagi situasi di mana suami **tidak memilih untuk membayar caruman SKSSR untuk isteri** atau **suri rumah yang tidak mempunyai suami**, caruman berkenaan juga boleh dibayar sendiri oleh isteri atau suri rumah tersebut atau pihak ketiga kepada PERKESO.

Sehubungan itu, laporan berita yang diterbitkan oleh beberapa media tempatan termasuk menerusi platform dalam talian mengenai kegagalan suami membayar caruman PERKESO isteri yang juga suri rumah boleh dikenakan denda atau hukuman penjara adalah **tidak tepat**.

Memandangkan laporan berita tersebut tidak tepat dan boleh mengelirukan orang ramai, PERKESO ingin menggesa media-media yang berkenaan untuk mengambil tindakan segera dengan menyiarkan ralat berhubung laporan yang telah diterbitkan.

IZAD HJ RAYA

KETUA PEGAWAI KOMUNIKASI DAN HAL EHWAL KORPORAT

20 JULAI 2022